

Fisioterapi

Hanya Maimunah berani mengarah Mahathir

UM 31/10/2003 - 7 PRECISE

Oleh NORZAHIZAN ISMAIL

PENGURUS Fisioterapi Institut Jantung Negara (IJN), Datin Maimunah Johari, 48, sentiasa diusik sebagai satu-satunya orang yang berani 'memukul, menampar dan menumbuk' belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selama lebih 10 tahun.

Mana tidaknya, setiap kali Dr. Mahathir mengalami batuk berkahak, wanita dari kumpulan pertama di Malaysia diterima mengikuti kursus Fisioterapi dari Kolej Fisioterapi, Hospital Kuala Lumpur (HKL) ini akan dicari untuk menjalankan terapi mengeluarkan kahak agar Dr. Mahathir berasa lega dan senang bernafas.

Batuk adalah satu-satunya penyakit yang kerap menyerang tokoh yang disegani itu dan rawatan fisioterapi adalah yang paling mujarab untuk merawat dan menguatkan paru-paru beliau semasa dan selepas mengalami batuk.

Maimunah dilihat sebagai orang yang berani mengarah Dr. Mahathir melakukan apa yang perlu untuk menjaga kesihatan serta merawat sakit sendi, kaki dan lutut yang sering menyerang mereka yang seusianya.

Wanita yang banyak pengalaman dalam fisioterapi dan pemulihan jantung itu

menyuarakan kesenangannya merawat Dr. Mahathir kerana Perdana Menteri tidak pernah menyuarakan bantahan atau merungut.

Cuma sesekali Dr. Mahathir akan menjeling dan melemparkan senyuman sinis ke arah Maimunah apabila diminta minum air banyak sikit untuk mengurangkan kahak sambil mengusik, "Maimunah memang boleh buli saya."

Pernah semasa Maimunah tidak dapat melakukan fisioterapi dan diganti oleh orang lain untuk 'memukul belakang' Dr. Mahathir, ahli terapi berkenaan agak terkasar sedikit menyebabkan Dr. Mahathir berasa sakit namun rawatan diteruskan tanpa rungutan.

Cuma bisikan ke telinga doktor peribadi meminta agar ahli terapi berkenaan tidak terlalu kuat mengetuk belakangnya atau akan berpesan dengan Maimunah supaya memberitahu orang yang menggantikannya supaya lembut sikit.

Dr. Mahathir tidak akan menegur atau menjatuhkan air muka seseorang di hadapan orang lain, begitu tinggi peribadinya.

Ketika diminta menjalankan sebarang rawatan fisioterapi atau aktiviti lain termasuk membongkok, menonggeng serta pelbagai jenis senaman lain, Dr. Mahathir sentiasa akur.

Mungkin selaku seorang doktor perubatan, beliau memahami semua itu perlu untuk mengekal serta mencapai kesihatan yang unggul.

Semasa di luar negara, tidak hairan melihat beliau mampu berlari serta berjalan laju sehingga tidak terkejut oleh orang lain (termasuk yang jauh lebih muda) terutama sekali isteri tersayang, Datin Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang begitu mengambil berat tentang kesihatan suami tercinta.

Kesukaran rawatan fisioterapi yang dihadapi ialah Dr. Mahathir ialah kurang minum air. Pesanan ibu sejak kecil supaya menghabiskan makanan dahulu sebelum minum menyebabkan beliau sukar minum air dengan banyak.

Antara rawatan disenangi Dr. Mahathir ialah



DR. MAHATHIR menjalani rawatan fisioterapi di Institut Jantung Negara.

rawatan terapi 'wap' kerana selepas terapi sedutan wap jelas sekali beliau merasa puas apabila dapat bernafas dengan lebih mudah.

Maimunah mengaku terpaksa 'mencuri masa' untuk merawat Perdana Menteri termasuk mengadakan rawatan di rumah menggunakan peralatan mudah alih yang turut dibawa semasa ke luar negara.

Menyingkap pengalaman merawat pemimpin nombor satu negara itu di IJN, Maimunah tersenyum puas sambil menyatakan Perdana Menteri seorang pesakit yang begitu berdisiplin dan menepati waktu.

Tepat waktu rawatan beliau akan muncul dan akan meninggalkan tempat rawatan sebaik sahaja habis rawatan dengan alasan 'kasihan depa dah Maghrib, baliklah keluarga dok tunggu tu'.

Namun, jika masih dalam waktu pejabat dan tidak ada temu janji Dr. Mahathir akan melayan mesra dengan kakitangan IJN dan bersembang dengan pegawai-pegawai perubatannya.

Malah, setiap kali selepas rawatan di IJN beliau akan melangkah keluar dan bersalaman dengan siapa sahaja yang ditemui, tidak kira pelawat, pesakit atau pekerja sambil melempar senyuman mesra.

Yang mungkin sukar dipercayai apabila

Maimunah ke rumah Dr. Mahathir untuk memberi rawatan fisioterapi selepas subuh, kira-kira 6.45 pagi, beliau sendiri akan membuka pintu menjemput pegawai perubatan masuk dan menghantar mereka pulang di pintu.

"Dr. Mahathir amat prihatin tentang keluarga kita dan semasa bapa saya meninggal dunia, beliau sendiri telefon saya di Bagan Serai untuk menyampaikan ucapan takziah dan meminta saya banyak bersabar.

"Begitu juga dengan Dr. Siti Hasmah, semasa ibu saya dirawat di hospital beliau telah menjenguk ibu saya dan kami adik-beradik hanya mengetahui setelah ibu meninggal apabila terbaca catatan ibu, "Dr. Siti Hasmah melawat Mak hari ini, Mak sungguh rasa bangga dan yang disanjung dan wanita pertama Malaysia itu.

Maimunah turut mengakui Dr. Mahathir mempunyai kekuatan luar biasa walaupun tidak mengambil ubat-ubat khas, hanya vitamin yang biasa diambil oleh orang biasa.

"Allah memberi beliau satu kekuatan iaitu 'semangat' yang cukup luar biasa kerana mungkin ia datang dari hati yang ikhlas kerana niat untuk membantu rakyat dan negara," tambah beliau mengakhiri cerita panjang lebar mengenai pemimpin yang dihormati itu.



MAIMUNAH JOHARI